

02 OCT 2003

Abdullah-Lima

LANGKAWI TETAP JADI TUAN RUMAH LIMA : ABDULLAH

LANGKAWI, 2 Okt (Bernama) -- Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) akan datang tidak akan beralih tempat dan akan tetap diadakan di Langkawi, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Menyangkal ura-ura kononnya LIMA akan datang, akan dianjurkan di Kuala Lumpur, Timbalan Perdana Menteri berkata Langkawi, yang menjadi tuan rumah kepada pertunjukan itu sejak ia mula dianjurkan pada 1991, akan tetap menjadi tuan rumah kepada LIMA pada masa depan.

"LIMA tetap akan diadakan di Langkawi," katanya ketika ditanya pemberita sama ada LIMA akan berpindah tempat, sejurus sebelum berlepas pulang ke ibu negara. Beliau berada di sini sejak Isnin sempena pertunjukan tersebut.

Selain menghadiri majlis perasmian LIMA 2003 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin lepas, timbalan perdana menteri turut meninjau pameran dwi-tahunan tersebut.

Dengan persaraan Dr Mahathir yang memilih Langkawi sebagai tuan rumah LIMA sejak 12 tahun lepas, ada di kalangan delegasi negara-negara asing dikatakan bertanya penganjur sama ada LIMA akan dipindahkan ke Kuala Lumpur.

Isnin lepas Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Abdullah, yang akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri, November ini, telah memberi jaminan bahawa LIMA akan tetap dianjurkan pada masa depan, dan beliau telah menyampaikan perkara itu kepada Dr Mahathir.

Abdullah, ketika ditanya pendapatnya tentang penganjuran LIMA kali ini, berkata ia kini nampak lebih baik dan bertambah popular daripada segi penyertaan.

Sebanyak 600 peserta pameran dari 25 negara mengambil bahagian dalam komponen udara LIMA kali ini.

"Saya gembira dengan kemunculan syarikat-syarikat tempatan yang mengambil bahagian dalam LIMA dengan mempamerkan bermacam-macam produk," katanya.

Abdullah berkata banyak peserta LIMA kali ini memberitahu beliau bahawa mereka akan datang lagi pada masa akan datang.

Katanya, LIMA memberi banyak kebaikan kepada industri penerbangan dan udara negara di samping kepada Langkawi sebagai destinasi pelancongan.

Sementara itu, penganjur komponen udara LIMA, Le Proton berkata bagi pertunjukan itu yang akan datang, tarikhnya akan diubah semula kepada bulan Disember bagi memeriahkan lagi acara tersebut.

Pengarah Eksekutif Le Proton LIMA, Yusuf Manan berkata penganjuran LIMA pada bulan Disember akan memberi peluang kepada lebih banyak orang mengunjunginya.

Bagaimanapun, katanya, walaupun LIMA kali ini diadakan dalam bulan Oktober beliau gembira kerana ia tetap mendapat sambutan menggalakkan.

"Biasanya jika ada perubahan tarikh, ia memberi kesan kepada penyertaan tetapi kita gembira penyertaan kali ini tetap menggalakkan," katanya ketika ditemui di Balai Pameran Mahsuri Antarabangsa Langkawi.

Beliau yakin dengan penganjuran LIMA pada bulan Disember, lebih banyak syarikat akan menyertai pertunjukan itu.

Le Proton, katanya telah mengedarkan jemputan kepada syarikat-syarikat yang menyertai LIMA tahun ini supaya kembali mengambil bahagian pada LIMA 2005.

Katanya, pihaknya juga menerima banyak pertanyaan daripada syarikat

yang berminat mengambil bahagian pada LIMA akan datang.

-- BERNAMA

ZS ZI MOZ